

Jom Masuk

UMS Bagi Atlet

Cemerlang'

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) buka peluang kepada atlet-atlet cemerlang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi berkenaan.

Sehubungan dengan itu, satu perjumpaan menerusi program 'Jom Masuk UMS Bagi Atlet Cemerlang' akan diadakan bagi memberi taklimat mengenainya di Pusat Sukan UMS pada 17 April ini.

"Atlet lepasan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) dan diploma dipelawa mengikuti perjumpaan itu untuk mendapat gambaran lebih jelas mengenai peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah dan asasi sains di UMS berdasarkan kelebihan mereka dalam bidang sukan

"Program ini akan bermula pada jam 10.00 pagi," kata Ketua Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika dihubungi di sini kelmarin.

Dalam program sama katanya, taklimat juga akan diberikan mengenai peluang melanjutkan pelajaran ke politeknik dan kolej komuniti.

"Oleh itu, kami juga menggalakkan pelajar yang mengambil peperiksaan SPM dan STPM pada tahun ini turut mengikuti program ini bagi mendapat pendedahan awal mengenai peluang atlet melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi," tambahnya.

Atlet yang menyertai program berkenaan diminta membawa dua salingan dokumen peribadi, salinan dokumen akademik, dokumen bukti sebagai atlet, bukti permohonan UPU dan dokumen-dokumen perlu," tambahnya.

Keterangan lanjut mengenai program itu boleh diperolehi dengan menghubungi Joseph Jose (088-320376, 014-6749485), Jasri Jaafar (012-8345500) dan Irwan Jamil (013-8846041) atau datang terus ke Pusat Sukan UMS.